

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 4 TAHUN 2010**

**Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.**

**PERWAKILAN KUASA PELUPUSAN ASET ALIH DAN MENGHAPUS KIRA  
KEHILANGAN ASET ALIH KERAJAAN NEGERI**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:
  - 1.1 Perwakilan kuasa Menteri Besar Perak kepada **Pegawai Kewangan Negeri dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri** bagi pelupusan aset alih dan menghapus kira kehilangan aset alih Kerajaan Negeri; dan
  - 1.2 Perwakilan kuasa Menteri Besar Perak kepada **Pegawai Pengawal (Ketua Jabatan)** bagi pelupusan aset alih Kerajaan Negeri.

## LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan seksyen 17, Akta Prosedur Kewangan 1957, kuasa bagi menghapuskan kehilangan, kekurangan wang awam dan nilai-nilai stor yang hilang, kekurangan, tidak boleh digunakan, tidak boleh diservis atau usang serta kuasa untuk meninggalkan amaun-amaun hasil, hutang dan lebihan yang tidak boleh dikembalikan lagi terletak pada kuasa Menteri Besar.

## PERATURAN BARU

3. Bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran awam negeri, Menteri Besar Perak melalui Warta Kerajaan Negeri Perak bernombor 351 hingga 377 bertarikh 22 Februari 2010 telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada **Pegawai Kewangan Negeri** dan **Timbalan Pegawai Kewangan Negeri** bagi meluluskan pelupusan dan menghapus kira kehilangan aset alih Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai **1 Januari 2010**.
4. Menteri Besar Perak juga telah bersetuju menurunkan kuasa kepada **Pegawai Pengawal (Ketua Jabatan)** bagi meluluskan pelupusan aset alih Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai **1 Januari 2010**.
5. Penurunan kuasa tersebut adalah mengikut had seperti berikut:

a) **Melupuskan Aset Alih Kerajaan**

i) **Pegawai Kewangan Negeri dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri**

Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM200,000** bagi tiap-tiap barang individu dan **tidak lebih daripada RM500,000** bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan;

ii) **Ketua Jabatan (Pegawai Pengawal)**

Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM10,000** bagi tiap-tiap barang individu dan **tidak lebih daripada RM50,000** bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

b) **Menghapus Kira Kehilangan Aset Alih Kerajaan**

i) **Pegawai Kewangan Negeri dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri**

Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM200,000** bagi tiap barang-barang individu dan **tidak lebih daripada RM500,000** bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan yang melibatkan kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

6. Semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan** dalam melaksanakan sebarang pelupusan dan menghapus kira aset alih Kerajaan.
7. Semua Pegawai Pengawal boleh merujuk Warta Kerajaan Negeri berkenaan melalui laman web **<http://kewangan.perak.gov.my>**


**TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: 9 Jun 2010

s.k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan

Pengarah Audit Negeri Perak  
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Perak